



**PESTA PERSATUAN SUKAN DAN KEBUDAYAAN
PERKHIDMATAN PELAJARAN
(PSKPP)
PERINGKAT BAHAGIAN KUCHING**

PEMILIHAN PESERTA MEMANCING IKAN TEBINGAN

**Anjuran
PSKPP CAWANGAN BAU**

**Tarikh
27 SEPTEMBER 2025, SABTU**

**Masa
9.00 PAGI – 12.00 TENGAH HARI (3 JAM)**

**Tempat
TEBINGAN SUNGAI KAMPUNG SINAR BUDI LAMA
BATU KAWA, KUCHING**

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

PEMILIHAN PESERTA MEMANCING IKAN TEBINGAN

PSKPP PERINGKAT BAHAGIAN KUCHING 2025

1.0 NAMA PEMILIHAN

Pemilihan Peserta Memancing Ikan Tebingan PSKPP Peringkat Bahagian Kuching 2025

1.2 MASA DAN TARIKH PERTANDINGAN

- 1.2.1 Tarikh / Hari : **27 September 2025 / Sabtu**
- 1.2.2 Masa : **9.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari**
- 1.2.3 Tempoh : **3 Jam**
- 1.2.4 Tempat : **Tebingan Sungai Kampung Sinar Budi Lama,
Batu Kawa, Kuching**

1.3 KAWASAN PERTANDINGAN

Kawasan Pemilihan peserta Memancing Ikan PSKPP adalah di tebingan Sungai Kampung Sinar Budi Lama Batu Kawa

1.4 MASA DAN TEMPAT PENDAFTARAN

Pendaftaran awal peserta akan dilakukan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan pada **27 September 2025, Sabtu jam 7.30 pagi** di **Dewan Kampung Sinar Budi Lama, Batu Kawa, Kuching**.

1.5 TAKLIMAT KEPADA PENGURUS PASUKAN

Satu sesi taklimat kepada semua peserta memancing pada **27 September 2025** pada jam **8.30 pagi** (disampaikan oleh Sekolah pengelola / Pegawai Teknik)

1.6 PENGADILAN PERTANDINGAN

Satu Pasukan Marshal akan dipertanggungjawab mengawasi peserta semasa pemilihan dijalankan. Manakala hasil tangkapan pula akan diadili oleh panel hakim timbang yang dilantik oleh pihak penganjur pertandingan.

- ❖ Marshal - 5 orang
- ❖ Hakim Timbang - 3 orang

2.0 PENYERTAAN

- 2.1 Peserta pemilihan perlu mengisi Borang Penyertaan atau Google Form yang disediakan oleh pihak Penganjur.
- 2.2 Tarikh tutup pendaftaran adalah pada **25 September 2025** pukul **11.59** malam.
- 2.3 Peserta yang tidak mendaftar pada masa yang ditetapkan adalah **TIDAK DIBENARKAN** menyertai pemilihan tersebut.

3.0 KESELAMATAN DAN PENGAWASAN

- 3.1 Keselamatan adalah tanggungjawab peserta sendiri. Semua peserta diwajibkan menghadiri taklimat keselamatan sebelum pertandingan.
- 3.2 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemalangan yang melibatkan kecederaan atau kerosakan / kehilangan harta benda semasa pertandingan dijalankan.
- 3.3 Pemilihan akan diberhentikan oleh penganjur apabila berlaku sesuatu insiden yang boleh menyebabkan kemalangan dan membahayakan semua peserta. Apabila pertandingan dihentikan pemenang akan dikira berdasarkan keputusan semasa dan terkini sebelum pertandingan diberhentikan.

4.0 SYARAT – SYARAT UTAMA

- 4.1 Semua peserta haruslah mematuhi syarat yang telah ditetapkan dan dipatuhi sepenuhnya oleh semua peserta sepanjang pertandingan dilangsungkan.
- 4.2 Semua peserta perlu mengisi Borang Penyertaan atau Google Form yang disediakan.
- 4.3 Kategori pemilihan adalah secara **INDIVIDU**.
- 4.4 Pemilihan peserta memancing ini adalah terbuka kepada semua Warga Pendidikan yang bertugas di Sarawak sahaja.
- 4.5 Setiap peserta dibenarkan membawa lebih daripada SATU set pancing (sebagai sokongan sekiranya set yang digunakan rosak/sangkut) tetapi hanya dibenarkan menggunakan **SATU (1) batang joran dan SATU (1) mata kail sahaja semasa pemilihan dijalankan**. Teknik pancingan **BOTTOM / DASAR** sahaja yang dibenarkan. Tag akan diberikan untuk menanda setiap Joran peserta.
- 4.6 Set pancing yang rosak perlu dimaklumkan kepada Marshal untuk diberikan tag yang baharu. bagi set pancing yang ditukar. Tag yang telah digunakan sebelum ini akan dipangkah oleh Marshal.
- 4.7 Semua keperluan untuk memancing seperti alatan memancing, umpan, kerusi pancing makanan, ubat-ubatan dan sebagainya hendaklah disediakan oleh peserta sendiri.
- 4.8 Hanya tangkapan **IKAN** sahaja yang akan ditimbang dan diambil kira.
- 4.9 Penggunaan alatan menangkap ikan selain dari joran pancing biasa menggunakan teknik pancingan **DASAR / BOTTOM** adalah tidak dibenarkan (jala / mata 3 / jigging / casting / drone fishing dan lain-lain teknik).

- 4.10 Peserta bebas menggunakan pelbagai jenis umpan sama ada umpan hidup atau umpan mati. Penggunaan umpan tiruan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 4.11 Penginapan dan pengangkutan dari tempat penginapan ke 'venue' pemilihan adalah ditanggung oleh peserta sendiri.
- 4.12 Semua hasil tangkapan hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia di meja hakim **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari**. Tiada masa tambahan dibenarkan kecuali atas arahan dan kebenaran Pegawai Teknikal.
- 4.13 Pengenalan tapak pancing akan dijalankan semasa taklimat. Semua peserta harus memancing daripada tapak yang dibenarkan sahaja. Mana-mana pemancing yang memancing diluar Kawasan tapak akan dibatalkan penyertaan.
- 4.14 Penganjur berhak menghentikan pemilihan jika dirasakan perlu bergantung kepada faktor cuaca semasa. Jika cuaca hujan pemilihan tetap akan diteruskan sehingga makluman **PENANGGUHAN** di maklumkan oleh pengelola pemilihan.
- 4.15 Setiap kali ikan didaratkan, Marshall perlu mengesahkan pendaratan ikan sama ada **SAH** atau **TIDAK** sebelum dibawa ke meja Hakim Timbang untuk proses menimbang berat ikan.
- 4.16 Setiap ikan yang didaratkan adalah **HAK MILIK PESERTA**.
- 4.17 Siren akan dibunyikan pada jam 9.00 pagi sebagai tanda dimulakan dan Siren kedua menandakan tamat akan dibunyikan pada jam 12.00 tengah hari.
- 4.18 Semua peserta harus menjaga **kebersihan** tempat dan kawasan yang digunakan.
- 4.19 Mana-mana ikan yang didaratkan harus tertacap mata kail pada mana-mana bahagian ikan adalah **DIKIRA**.
- 4.20 Jika berlaku **SERI** pada timbangan berat ikan yang didaratkan (yang mana mendaratkan ikan terlebih dahulu akan dikira sebagai pemenang).
- 4.21 Ranking dan kedudukan semasa akan dimaklumkan setiap selang sejam semasa Pemilihan dijalankan. Ranking dimaklumkan bertujuan memberi galakan dan dorongan kepada semua peserta agar terus bersemangat memancing.

5.0 TIADA PENYESUAIAN TAPAK / PANCINGAN AKAN DIJALANKAN.

- 5.1 Tiada penyesuaian tapak / pancingan dijalankan oleh pihak penganjur tetapi peserta boleh memancing atau melakukan penyesuaian tapak berdasarkan inisiatif sendiri.
- 5.2 Keselamatan sepanjang aktiviti tersebut adalah dibawah tanggungan diri sendiri. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian semasa aktiviti tersebut dijalankan oleh peserta.

6.0 PARKIR KERETA / TANDAS / SURAU / KAWASAN REHAT DISEDIAKAN DI KAWASAN PEMILIHAN



**ATURCARA PEMILIHAN PESERTA MEMANCING IKAN
PSKPP PERINGKAT BAHAGIAN KUCHING 2025**

**27 September 2025, Sabtu | 9.00 pagi – 12.00 Tengah Hari
Tebingan Sungai Kampung Sinar Budi Lama , Batu Kawa, Kuching**

7.30 a.m	Pengesahan Pendaftaran Peserta
	Pemeriksaan Peralatan Memancing.
	Taklimat Keselamatan Pertandingan dan Bacaan Doa
	Persiapan Parapeserta
9.00 a.m	Acara Pemilihan Dimulakan
	Pengumuman Ranking Terkini Pertandingan
12.00 p.m	Acara Pemilihan Tamat
	Pengumuman Peserta Yang Terpilih Mewakili PSKPP Bahagian Kuching Ke Bintulu
	Tamat